

Melaka diiktiraf bandar terbersih dalam Malaysia

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Bandaraya Melaka diiktiraf sebagai bandar terbersih dalam negara menerusi satu pertandingan anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Anugerah itu di-
raih Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menerusi Anugerah Asean Clean Tourist City Standard (2024-2026).

Datuk Bandar MBMB Datuk Shadan Othman berkata, kejayaan itu sekali gus menjadikan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mewakili negara pada peringkat Asia Tenggara di Vientiane, Laos pada 26 Januari 2024.

"Kita difahamkan terdapat lebih 10 negeri menyertai anugerah ini dan alhamdulillah komitmen semua pihak di bawah kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh melayakkan kita diangkat sebagai bandar terbersih dan



SHADAN



akan mewakili negara.

"Bagi saya anugerah ini untuk dikongsi bersama yang mana ia bukan hanya untuk warga MBMB, bahkan untuk masyarakat setempat yang bersama-sama menjayakan aspirasi MBMB untuk menjadikan Melaka negeri terbersih.

"Diharapkan pengiktirafan ini dapat meningkatkan lagi kesedaran orang

ramai termasuk pelancong untuk cakna terhadap kebersihan dan keindahan Melaka agar ia terus diwarisi di masa akan datang," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Shadan juga percaya anugerah tersebut sedikit sebanyak dapat membantu mem-



MELAKA menjadi pilihan pelancong domestik dan antarabangsa kerana kebersihan dan keindahan lokasi tumpuan pelancong (Gambar Hiasan). Foto: MR. AZLI

promosikan Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024).

"Sebagai negeri pelancongan, kita sememangnya mahu menjadikan Melaka negeri terbersih dan terindah supaya kita dapat menyambut kehadiran pelancong

pada bila-bila masa," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri dalam satu kenyataan di laman Facebook rasminya merakamkan ucapan syabas dan tahniah di atas kejayaan tersebut.

"Saya percaya pengiktira-

fan ini mampu menarik lebih ramai pelancong untuk ke Negeri Melaka, seterusnya dapat membantu mempromosikan kempen TMM2024. Syabas dan tahniah MBMB dan warga Melaka!," katanya.